

# Deklarasi Makkah lonjak ekonomi dunia: Abdullah

## Pakatan strategik negara Islam, Barat perluas pasaran antarabangsa

BH- 25/1/2008

Mutazar  
Abdul Ghani

di Davos, Switzerland



**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mencadangkan pakatan strategik di antara dunia Islam dan Barat bagi membantu mempercepatkan pelaksanaan agenda ekonomi Deklarasi Makkah, sekali gus merapatkan jurang dan menyatukan semula dua tamadun besar itu.

Perdana Menteri berkata, pakatan itu boleh diperkukuhkan menerusi penubuhan institusi yang akan membawa bersama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Barat untuk menyediakan hala tuju strategik, pandangan serta penyatuan kerjasama.

Katanya, tugas berkenaan termasuk merangka sokongan dan kerjasama antarabangsa dan Barat, serta pengenalan bidang kerjasama selanjutnya bagi pelaksanaan agenda ekonomi Deklarasi Makkah.

Abdullah yang juga Pengerusi OIC berkata, pertubuhan itu melancarkan program 10 tahun Deklarasi Makkah pada Disember 2005 yang bermatlamat mencapai pembaharuan dan pembangunan dalam semua aspek di negara Islam, meliputi politik, ekonomi dan sosial.


"Ketika ini wujud perpecahan serius dan tidak sihat antara dunia Islam dan Barat. Punca masalah berkenaan adalah politik dan ia perlu ditangani namun, ia tidak sepatutnya menjadi halangan terhadap kerjasama produktif dalam bidang lain.

"Kerjasama strategik antara Barat dan dunia Islam ke arah pelaksanaan Deklarasi Makkah akan menjadi kesempatan bersejarah untuk merapatkan jurang dan menyatukan semula tamadun itu," katanya dalam ucapan bertajuk 'Kepercayaan Islam dan Modernisasi' pada sidang pleno Forum Ekonomi Dunia (WEF 2008) di sini semalam.

Perdana Menteri adalah penceramah pertama pada sidang pleno yang dipengerusikan bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair.

Abdullah menambah, dunia Islam tidak dapat menikmati kemajuan sepenuhnya, jika hanya berusaha berseksa, justeru, mereka perlu bekerjasama terutama dengan negara maju di Barat untuk mencapai kemajuan dengan lebih cepat.

"Mereka (Barat) memiliki sumber



TUKAR PANDANGAN: Abdullah berbual dengan Blair sebelum sidang pleno Forum Ekonomi Dunia, di Davos, semalam.

dan kemahiran bagi membantu anggota OIC. Barat juga akan memperoleh manfaat, kerana pembangunan lebih pesat di dunia Islam juga bermakna pasaran yang lebih besar, lebih banyak perdagangan serta keamanan dan kestabilan lebih kukuh," katanya.

**“Kerjasama strategik antara Barat dan dunia Islam ke arah pelaksanaan Deklarasi Makkah akan menjadi kesempatan bersejarah untuk merapatkan jurang dan menyatukan semula tamadun itu”**

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri

Beliau menjelaskan, kepercayaan seseorang seharusnya menyatukan umat manusia, dan bukan memecahbelahkan mereka.

"Malah, banyak masyarakat majmuk, termasuk rakyat kami (Malaysia), yang mana penduduk yang pelbagai kepercayaan hidup makmur antara satu sama lain. Lazimnya, bukan kepercayaan yang membawa kepada konflik.

"Ia adalah politik dan usaha mengejar pembangunan ekonomi serta kuasa ketenteraan, yang kemudian mencetuskan tindak balas keganasan. Ia selalunya adalah manipulasi ideologi, sama ada yang beragama atau sekular," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, tiada agama yang menentang kemajuan dan pemodenan, malahan, ajaran Islam sebenarnya diselaraskan dengan pemodenan.

Katanya, umat Islam amat digalakkan menimba ilmu, kerana ia adalah sumber penting dalam semua bentuk kemajuan dan pembangunan yang dilaksanakan. Dalam Islam, kerja yang dilakukan adalah ibadat. "Kemodenan jelas ada dalam dunia

Islam bagi mereka yang mahukannya. Bangunan tertinggi di dunia kini sedang dibina di bandar raya Islam iaitu Burj Dubai. Menara Kembar Petronas adalah bangunan berkembar tertinggi dunia, juga terletak di bandar raya negara Islam.

"Negara terbesar umat Islam, Indonesia adalah negara demokrasi. Wanita Islam juga pernah menjadi Presiden dan Perdana Menteri," katanya.

Beliau menambah, ketika ini masih banyak negara Islam yang mundur, yang berdepan masalah kemiskinan, buta huruf, kesihatan, peluang pekerjaan, penyelidikan dan pembangunan, sekali gus menyebabkan mereka ketinggalan.

"Keganasan dan ketidakstabilan juga berlaku di banyak negara Islam. Namun, kepercayaan terhadap Islam tiada kena mengena dengan masalah berkenaan.

"Kawasan mundur di negara Islam, terutama di Afrika dan Asia adalah berpunca daripada kekurangan sumber serta terletak jauh dari pelabuhan dan pintu masuk maritim," katanya.